



9 Julai 2015
9 July 2015
P.U. (A) 148

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (PERSIMPANGAN BERTINGKAT BANDAR AINSDALE) 2015

FEDERAL ROADS (BANDAR AINSDALE INTERCHANGE) ORDER 2015



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959

PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN
(PERSIMPANGAN BERTINGKAT BANDAR AINSDALE) 2015

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 Akta Jalan Persekutuan 1959 [Akta 376], Menteri, setelah berunding dengan Kerajaan Negeri Sembilan, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jalan Persekutuan (Persimpangan Bertingkat Bandar Ainsdale) 2015**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 10 Julai 2015.

Perisytiharan jalan sebagai jalan Persekutuan

2. (1) Bahagian jalan yang dikenali sebagai Persimpangan Bertingkat Bandar Ainsdale yang merupakan sebahagian daripada Lebuhraya Utara Selatan bermula di kilometer 267.160 di koordinat U 101875.018, T 93966.358 Grid *Rectified Skew Orthomorphic* (RSO) Geosentrik (GDM 2000) dan berakhir di kilometer 268.470 di koordinat U 102407.818, T 92721.886, Grid RSO Geosentrik (GDM 2000) Lebuhraya Utara Selatan, kedua-dua jarak diukur dari kilometer 0.0 Lebuhraya Utara-Selatan di Persimpangan Bertingkat Johor Bahru, termasuklah Plaza Tol Masuk/Keluar Bandar Ainsdale dan jalan sambungannya dan berakhir di koordinat U 100607.272, T 93853.041, Grid RSO Geosentrik (GDM 2000), diisytiharkan sebagai jalan Persekutuan.

(2) Jalan yang diisytiharkan sebagai jalan Persekutuan di bawah subperenggan (1) ditunjukkan dalam peta dalam Jadual.

JADUAL

[subperenggan 2(2)]

PETA PERSIMPANGAN BERTINGKAT BANDAR AINSDALE

